

**MISI PERPUSTAKAAN**

Meningkatkan kepuasan pelanggan melalui layanan dan perkhidmatan yang cemerlang.

**FUNGSI**

Menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan FRIM melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap dan maklumat yang tepat dan lengkap.

**POLISI KUALITI**

Perpustakaan bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan maklumat yang efisien berkaitan perhutanan dan industri berasaskan kayu secara berterusan untuk menyokong dan meningkatkan penyelidikan saintifik dan teknikal selaras dengan hasrat FRIM.

**KOLEKSI**

Koleksi Perpustakaan FRIM terdiri daripada pelbagai jenis termasuklah rujukan, bibliografi, penerbitan FRIM, kertas persidangan, keratan akhbar, penerbitan berkala, peta, koleksi buluh dan rotan, buku serta koleksi khas seperti tumbuhan ubatan, perubahan iklim, biofuel dan lain-lain lagi. Koleksi ini juga terdiri daripada pelbagai subjek yang merangkumi skop perhutanan. Untuk mengetahui bahan-bahan yang terdapat di sini, pengguna boleh mengakses OPAC perpustakaan menerusi laman web FRIM.

**LOKASI KOLEKSI/KEMUDAHAN*****Tingkat Bawah***

Koleksi: Koleksi terbitan bersiri terkini dan kebelakangan serta koleksi khas.

Kemudahan: Kaunter sirkulasi, mesin fotokopi, pameran keratan akhbar dan buku baharu serta pelan lantai.

***Tingkat Satu***

Koleksi: Buku, buku rujukan, laporan tahunan, statistik, tesis, kertas persidangan, Koleksi BKI, koleksi tumbuhan ubatan, peta, akta, piawai dan penerbitan FRIM, koleksi rotan dan buluh.

Kemudahan: Komputer pengguna, tandas, pameran anugerah penerbitan FRIM dan pameran bulanan.

**PENYUSUNAN KOLEKSI**

Koleksi bahan perpustakaan disusun mengikut jenis koleksi. Bahan buku disusun mengikut Universal Decimal Classification (UDC), manakala bahan-bahan lain disusun secara berabjad sama ada mengikut judul, subjek, nombor pengarang, negara, judul siri dan sebagainya.

**PERKHIDMATAN****Pinjaman**

Perpustakaan FRIM menawarkan empat bentuk pinjaman kepada pengguna-pengunanya iaitu pinjaman biasa, pinjaman tetap, pinjaman sementara dan pinjaman antara perpustakaan.

Maklumat lanjut mengenai pinjaman boleh didapati daripada Siri Penerangan Perpustakaan Bil. 2/2009

**E-compedium**

Merupakan koleksi artikel teks penuh kakitangan FRIM yang diterbitkan dalam jurnal dalam dan luar negara. Ia boleh diakses secara intranet sahaja memandangkan artikel-artikel yang terkandung terikat dengan akta hak cipta yang dipegang oleh penerbit.

**Muka surat kandungan jurnal terkini**

Merupakan penyebaran maklumat jurnal terkini yang diterima oleh perpustakaan. Perkhidmatan ini dimuatkan dalam laman web perpustakaan di bawah tajuk "Journal subscribed". Tujuan diadakan perkhidmatan ini adalah untuk memaklumkan kepada pengguna artikel-artikel yang diterbitkan dalam jurnal isu terkini yang telah diterima oleh perpustakaan FRIM.

**Perkhidmatan Kesedaran Semasa Elektronik (E-CAS)**

Merupakan penyebaran bahan perpustakaan yang diemelkan kepada pegawai FRIM dan mengandungi tajuk-tajuk artikel terpilih yang berkepentingan kepada penyelidikan FRIM.

**Online International Database**

Membenarkan pengguna mengakses maklumat menerusi database seperti ScienceDirect melalui laman web perpustakaan.

## KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Terbuka kepada semua kakitangan FRIM, pelatih industri yang menjalani kursus melebihi dua bulan, orang perseorangan dan institusi. Bayaran keahlian adalah seperti berikut:

Kakitangan FRIM dan pelajar industri: Percuma  
Institusi : RM500/tahun  
Individu: RM50/tahun

## **Bayaran Masuk**

Bagi individu yang tidak menjadi ahli, caj masuk dikenakan.

Individu: RM10/hari  
Pelajar: RM2/hari  
(tanpa surat dari institusi)  
Kakitangan Kerajaan : Percuma

## KEMUDAHAN

### **Salinan Fotokopi**

- Salinan A4 0.30 sen/helai
- Salinan B4 0.50 sen/helai
- Salinan A3 0.60 sen/helai

### **Maklumat Berkomputer**

#### *Online Public Access Catalog (OPAC)*

Merupakan pencarian bahan atas talian yang bertujuan membolehkan pengguna mengetahui judul-judul bahan yang ada dalam koleksi perpustakaan FRIM dan mengesan lokasinya melalui nombor panggilan. Katalog ini

menggunakan antaramuka PUSTAKA sebagai perisian automasi perpustakaan.

### *CD-ROM*

Bagi mendapatkan maklumat lengkap penyelidikan dalam bidang perhutanan, perpustakaan FRIM telah melanggan "TREECD" yang mengandungi abstrak dan data bibliografi artikel-artikel yang berkaitan bidang tersebut.

## WAKTU OPERASI

Isnin-Khamis 8.00pagi-1.00ptg.  
2.00 ptg.-4.45 ptg.  
Jumaat 8.00pagi -12.15 tgh.  
2.45 ptg.-4.45 ptg.

\*Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan kelepasan umum.



***"Kunjungilah Perpustakaan  
Anda Hari Ini"***

**\*Sebarang bentuk pertanyaan sila  
hubungi kami di talian 7497, 7532 dan  
7503**



**PERPUSTAKAAN  
FRIM**

**MAKLUMAT UMUM**

## PENGENALAN

Perpustakaan FRIM yang pada mulanya dikenali sebagai Perpustakaan F.R.I ditubuhkan pada tahun 1929 apabila cawangan Penyelidikan Jabatan Hutan dipindahkan ke Kepong. Ini menjadikan perpustakaan FRIM antara perpustakaan tertua di Malaysia. Perpustakaan khusus yang ditubuhkan bagi menyokong aktiviti pembangunan dan penyelidikan di FRIM ini dibuka kepada orang ramai selain kakitangan FRIM sendiri, pelanggan-pelanggan FRIM, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pelajar-pelajar IPTA dan IPTS. Dalam setahun perpustakaan FRIM menerima tidak kurang dari 5000 orang pengunjung.